

# MAVILEX TABLET

Clenbuterol hydrochloride 0.02mg

---

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan MAVILEX
2. Bagaimana MAVILEX berfungsi
3. Sebelum mengambil MAVILEX
4. Cara menggunakan MAVILEX
5. Semasa menggunakan MAVILEX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan MAVILEX
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan MAVILEX

MAVILEX digunakan di kalangan pesakit yang mengalami penyakit asma, bronkitis (keradangan atau tiub bronkial bengkok) dan masalah pernafasan yang lain.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa MAVILEX dipreskrip untuk anda.

Doktor anda mungkin telah mempreskripsinya atas sebab-sebab lain.

## Bagaimana MAVILEX berfungsi

MAVILEX mengandungi bahan aktif *clenbuterol hydrochloride*. *Clenbuterol* adalah sejenis bronkodilator dan tergolong di dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *beta-2-agonist*.

MAVILEX digunakan untuk membuka saluran pernafasan supaya boleh bernafas dengan lebih mudah.

## Sebelum mengambil MAVILEX

### Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil MAVILEX jika anda alah terhadap:

- sebarang ubat yang mengandungi *clenbuterol* atau mana-mana ubat lain yang digunakan untuk merawat masalah pernafasan
- sebarang bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Jangan ambil MAVILEX selepas tarikh luput yang dicetak (EXP) pada pek pembungkusan.

Jangan guna ubat ini jika ada tanda-tanda pembungkusannya telah dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini, hubungi doktor anda atau ahli farmasi.

### Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor anda jika anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor jika anda mengalami penyakit berikut:

- penyakit jantung
- tekanan darah tinggi (hipertensi)
- diabetes (kencing manis)
- penyakit tiroid

Mungkin tidak selamat untuk anda mengambil MAVILEX jika anda mempunyai mana-mana penyakit tersebut.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda hamil atau merancang untuk hamil, atau sedang menyusukan bayi.

Doktor anda akan menerangkan mengenai risiko dan manfaat penggunaan MAVILEX ketika hamil dan penyusuan bayi.

Jika anda belum memaklumkan perkara tersebut kepada doktor anda, maklumkan segera sebelum mula mengambil MAVILEX.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan MAVILEX boleh bertindak balas antara satu sama lain. Ini termasuklah:

- ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat masalah jantung atau tekanan darah tinggi

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan ketika mengambil MAVILEX.

## Cara menggunakan MAVILEX

### Berapa banyak harus digunakan

Jumlah dos harian yang disyorkan untuk orang dewasa dan kanak-kanak yang berumur lebih 12 tahun ialah 0.04 mg sehari. Bagi rawatan penyakit *bronchial spasm* (*bronchial spasm* adalah pengecutan otot pada dinding bronkiol dengan tiba-tiba) yang teruk, dos boleh meningkat sehingga 0.08 mg sehari diambil dua kali sehari dan sepanjang rawatan ia boleh

dikurangkan kepada 0.02 mg sehari.

Pesakit dewasa dan kanak-kanak berumur lebih 12 tahun: Sebiji tablet (0.02 mg) diambil dua kali sehari.

*Bila perlu digunakan*

Dos harian yang perlu diambil sebanyak dua kali iaitu pada waktu pagi dan petang.

*Berapa lama perlu digunakan*

Tempoh rawatan bergantung kepada gejala dan tiada halangan untuk rawatan jangka panjang.

Teruskan mengambil MAVILEX selagi doktor anda mengarahkannya.

Jangan langkau mana-mana dos dan jangan berhenti mengambil ubat ini walaupun anda telah berasa sihat.

Jika anda terlupa untuk mengambil ubat anda, ia boleh membuatkan gejala penyakit anda menjadi lebih teruk.

Setiap individu akan menghasilkan tindak balas yang berbeza terhadap MAVILEX. Doktor anda akan memantau keadaan anda secara berkala.

*Jika terlupa menggunakan*

Jika masanya hampir untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya apabila sampai masanya

Jika tidak, ambil sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian teruskan mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos anda yang tertinggal sebelumnya. Ini boleh meningkatkan risiko anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, hubungi doktor anda atau ahli farmasi.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingati waktu pengambilan ubat anda, dapatkan cara untuk mengatasinya daripada ahli farmasi anda.

*Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil MAVILEX secara berlebihan. Lakukan perkara tersebut sekalipun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

**Semasa menggunakan MAVILEX**

*Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil MAVILEX seperti yang telah di arahkan oleh doktor.

Ia mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat di dalam risalah ini.

Jika anda mendapati bahawa dos biasa MAVILEX yang anda ambil tidak memberikan kelegaan seperti sebelum ini, atau anda rasa anda perlu menggunakannya dengan lebih kerap, sila hubungi doktor anda untuk pemeriksaan kesihatan.

Ianya penting untuk memastikan masalah pernafasan anda dikawal dengan sempurna.

Kunjungilah doktor anda dengan kerap untuk memastikan penyakit asma anda tidak menjadi semakin teruk

Maklumkan mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil MAVILEX.

Jika anda merancang untuk mengambil ubat lain, beritahu doktor atau ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan MAVILEX.

Maklumkan kepada doktor, jika anda telah hamil ketika mengambil MAVILEX.

*Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan mengambil sebarang ubat-ubatan lain untuk merawat masalah pernafasan anda tanpa pengetahuan doktor anda

Jangan beri MAVILEX kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

Jangan guna MAVILEX untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda..

*Perkara yang perlu diberi perhatian*

Kunjungi doktor anda untuk pemeriksaan kesihatan dengan kerap. Maklumkan kepada doktor anda jika gejala anda tidak beransur pulih.

Jangan ambil dos tambahan. Jika penyakit asma atau bronkitis anda menjadi lebih teruk semasa menggunakan ubat ini, hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Laporkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil MAVILEX.

Semua ubat-ubatan mempunyai kesan sampingan. Kadang kala ianya serius, tetapi selalunya tidak. Anda perlu mendapatkan rawatan perubatan jika anda

mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk menjawab apa-apa soalan anda.

Laporkan kepada doktor jika anda mengalami kesan sampingan berikut dan ianya membimbangkan anda:

- sakit kepala
- tremor (tangan menggeletar)
- rasa gemuruh
- kadar degupan jantung bertambah
- rasa loya, muntah atau cirit-birit
- rasa mengantuk atau pening

Kesan-kesan sampingan di atas adalah ringan.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan MAVILEX**

#### Penyimpanan

Simpan MAVILEX di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 25°C.

Jangan menyimpan MAVILEX di dalam bilik air atau berdekatan sinki.

Jangan tinggalkan di dalam kereta atau ditepi tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan ubat daripada capaian kanak-kanak. Simpan ubat di

dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya 1.5 m tinggi.

#### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

Tablet putih berbentuk bujur dengan tanda 'DUO' dan '861' pada permukaannya.

#### Bahan-bahan kandungan

##### *Bahan aktif:*

- *Clenbuterol Hydrochloride*

##### *Bahan tidak aktif:*

- *Aerosil*
- *Promigel*
- Tepung jagung
- *Polyvinyl pyrrolidone*
- *Lactosa*
- *Magnesium stearate*

#### Nombor MAL

MAL19971843A

### **Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
08/04/2014